

Belanjawan 2020

Kerajaan sedia bincang isu harga kondominium

KPKT, Kementerian Kewangan dengar suara hati rakyat

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Pontian: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan berbincang dengan Kementerian Kewangan (MOF) berhubung gesaan rakyat supaya kerajaan mengkaji semula cadangan menurunkan had harga kondominium dan pangsapuri yang boleh dibeli warga asing kepada RM600,000.

Kesediaan mendengar suara hati rakyat itu menunjukkan keprihatinan kerajaan dengan apa juga perkara dicadangkan, yang mungkin boleh menjejaskan kepentingan penduduk tempatan.

Jaminan itu diberikan Menteri, Zuraida Kamarudin, yang mengakui turut menerima banyak maklum balas berkaitan cadangan berkenaan.

"Semua pihak perlu maklum cadangan itu adalah input daripada MOF. Namun, kami maklum dengan suara rakyat dan akan bawa berbincang isu ini dalam masa terdekat.

"Ini bagi membolehkan MOF meneliti semula cadangan itu berikutan maklum balas diberikan masyarakat. Kami hanya melak-



Zuraida memotong kek tanda kesyukuran kerajaan mengumumkan pemberian Elaun Khas Skim Perkhidmatan Bomba pada majlis lawatan di Balai Bomba dan Penyelamat Pekan Nenas, Pontian, semalam.

(Foto Mohd Azren Jamaludin /BH)

sanakan program berbeza iaitu Malaysia My Second Home (MM2H) dan cadangan dasar menurunkan harga rumah bukan di bawah tanggungjawab kementerian ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat Balai Bomba dan Penyelamat Pekan Nenas di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Mohd Rashid Hasnon dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor, Datuk Yahya Madis.

Semalam, *BH Ahad* melaporkan gesaan orang ramai supaya kerajaan mengkaji semula cadangan

menurunkan had harga kondominium dan pangsapuri di kawasan bandar yang boleh dibeli warga asing daripada RM1 juta kepada RM600,000 seperti diumumkan dalam Belanjawan 2020.

Pelbagai pihak khuatir cadangan itu hanya mendorong pema-ju membina lebih banyak perumahan pada harga sedemikian kerana mudah mencari pembeli dalam kalangan warga asing di negara ini, khususnya ekspatriat.

Sementara itu, Zuraida yang juga Ketua Wanita Pakatan Harapan (PH), berkata calon wanita mungkin menjadi faktor penentu kemenangan di Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai,

bulan depan.

Justeru, pihaknya mengalu-alukan jika PH berhasrat untuk meletakkan calon wanita di kerusi Parlimen itu.

"Itu adalah kerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dan kita serahkan kepada parti itu sepenuhnya bagi menentukan calon yang layak. Bagaimanapun, saya alu-alukan jika ada calon wanita ditampilkan.

"Kita (PH) perlukan lebih ramai wakil rakyat wanita di Johor yang masih kurang dalam PH. Jika ada ruang dan peluang, saya sangat alu-alukan kerana ia mampu jadi faktor tambahan kemenangan," katanya.